

Arak punca segala kejahatan, cetus permusuhan

Minuman keras boleh pesongkan akidah umat Islam dan membawa kepada kekufuran

Nik Salida
Suhaila
Nik Saleh



PETIKAN AL-QURAN

“*Wahai orang beriman, bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang anak panah adalah semata-mata kotor daripada perbuatan syaitan, oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti daripada melakukan perkara keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil”*

**Surah al-Maaidah
ayat 90-91**

3 dalam keadaan mabuk, sehingga mengubah makna ayat itu menjadi seperti berikut: “Katakan wahai orang kafir, aku akan menyembah apa yang kamu sembah dan kami sudah pun menyembah apa yang kamu sembah.”

Begitu juga kisah seorang lelaki Ansar bernama Utban bin Malik yang mengadakan jamuan dihadiri kaum Ansar dan Muhajirin. Jamuan menghidangkan arak sebagai minuman itu menyebabkan seorang lelaki Muhajirin, Saad bin Abi Waqas mabuk sambil bersyair memuji kaumnya dan menghina serta mencaci kaum Ansar. Mendengar cacian itu, seorang lelaki Ansar terus memukulnya sehingga berdarah dan seterusnya menyebabkan huru-hara.

Akibat kejadian itu, Allah menurunkan wahyu yang mengharuskan arak sepenuhnya seperti dirakamkan dalam firman bermaksud: “*Wahai orang beriman, bahawa sesungguhnya arak dan judi dan pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang anak panah adalah semata-mata kotor (keji) daripada perbuatan syaitan, oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti daripada melakukan perkara keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil.*” (Surah al-Maaidah, ayat 90-91)

Bagai tidak dapat diterima adanya sebilangan umat Islam yang tidak segan silu meminum minu-

man keras dan menjadikannya hidangan biasa. Sudah dirakamkan Allah bahawa arak adalah kotor dan keji serta perbuatan syaitan, malah ia disamakan dengan judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib.

Umat Islam juga dilaknat Allah jika memerah anggur untuk dijadikan arak, minta diperahkan, meminumnya, membawanya, minta dibawakan kepadanya, menuangnya, menjualnya, menggunakan wang jualannya, membelinya dan meminta dibelikan arak walaupun kepada bukan Muslim.

Ketegasan hukum digariskan jelas menunjukkan bahawa apa saja berkaitan arak adalah dilaknat Allah dan mempunyai sebab serta akibat yang tidak bagus.

Rasulullah SAW bersabda bermaksud: “*Daripada Annas bin Malik katanya: Bahawasanya Rasulullah SAW melaknat sepuluh golongan berkaitan dengan arak iaitu yang memerahnya, minta diperahkan, meminumnya, membawanya dan minta dibawa kepadanya, menuangkannya, menjualnya, makan harganya, membelinya dan minta dibelikan.*” (Hadis riwayat At-Tirmidzi dan Ibn Majah)

Arak berbahaya kepada akidah umat Islam apabila Allah menyamakannya dengan pemujaan berhala dan mengundi nasib sebagai perbuatan syaitan. Apa juga perbuatan syaitan adalah menyekutukan Allah dan menyebabkan kekufuran, sama sekali tidak dapat diterima dalam agama.

Arak memesongkan hamba Allah daripada mengingati-Nya kerana ia membuatkan seseorang Muslim itu meninggalkan sembahyang dan puasa serta ibadah lainnya kerana mabuk. Arak juga meruntuhkan

akhlak, menimbulkan permusuhan dan kebencian, memusnahkan institusi kekeluargaan.

Iklan arak yang banyak sekali terpampang seperti menggami pembeli untuk menikmati rasa kerana nafsu manusia bukan mudah dikekang tanpa usaha. Undang-undang termaktub kepada orang Islam di setiap negeri mengenai hukuman meminum arak tidak pula menghalang mereka yang ketagih daripada meneguknya kerana ia sudah menjadi amalan biasa.

Bukan itu saja, remaja hanya mampu membeli arak lebih murah tidak pula terasa payah melabur wang untuk kepuasan diri, kerana kemabukan itu kononnya menyeronokkan, menghilangkan kekusutan serta tekanan biarpun hanya sementara.

Hakikatnya arak adalah ibu kepada segala kejahatan dan dosa. Jika arak menjadi penenang kepada golongan kufur, kenapa pula umat Islam mudah dipengaruhi dengan cara mereka?

Sedangkan Allah berfirman bermaksud: “*Wahai orang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya manusia dan batu berhala, neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat yang keras kasar layanannya, mereka tidak menderhakai kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.*” (Surah at-Tahriim, ayat 6)

Penulis ialah Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Sains Islam
Malaysia (Usim)

AKHIR-AKHIR ini, proses pembentukan akhlak sudah tidak begitu dipedulikan, sehingga minuman keras menjadi kebiasaan muda-mudi, meneguknya di mana-mana tanpa malu dan segan lagi, halal dan haram dipandang sepi, asalkan nikmat sementara dirasa sesekali.

Jika arak dianggap najis, sudah tentu tiada siapa yang dekati, tapi jika ia menjadi lambang prestij dan identiti, berebutlah segelintir umat Islam yang kikir hati melawan hukum Ilahi, meredai punca segala kemaksiatan dan kezaliman ini menguasai diri.

Arak yang mudah didapati di mana-mana saja hari ini sejenis minuman kegemaran bangsa Arab jahiliah dan menjadi minuman pilihan sehingga kedatangan keredatangan Islam, di mana sahabat Rasulullah SAW masih meminumnya kerana pada waktu itu larangan meminum arak masih belum berkuat kuasa walaupun Rasulullah SAW sendiri mengetahui kemudaratananya kepada pertimbangan akal dan fikiran.

Pernah terjadi satu peristiwa ketika Abdul Rahman bin Auf mengadakan kenduri dan mengundang sahabat termasuk Saidina Ali bin Abi Taib. Semua tetamu dihidangkan arak, minuman utama tetamu pada majlis rasmi.

Apabila masuk Maghrib, Saidina Ali mengimamkan solat dan membaca surah al-Kafirun, ayat 1 hingga